

CLODERM SHAMPOO

Clobetasol Propionate (0.05% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan cloderm shampoo
2. Bagaimana cloderm shampoo berfungsi
3. Sebelum mengambil cloderm shampoo
4. Cara menggunakan cloderm shampoo
5. Semasa menggunakan cloderm shampoo
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan cloderm shampoo
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang cloderm shampoo. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil cloderm shampoo berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan cloderm shampoo

Cloderm shampoo digunakan untuk rawatan topikal psoriasis (kulit merah, kasar, timbul ditutupi dengan sisik perak halus, kering) dan ekzema (keadaan kulit gatal dengan kemerahan, bengkak, cecair meleleh, pengupingan yang boleh menjadi sisik) pada kulit kepala.

Bagaimana cloderm shampoo berfungsi

Cloderm shampoo mengandungi Clobetasol Propionate sebagai bahan aktif.

Clobetasol propionate ialah sejenis kortikosteroid topikal yang sangat aktif yang boleh digunakan dalam jangka masa pendek untuk keadaan tidak bertindak balas dengan memuakan terhadap steroid yang kurang aktif.

Sebelum mengambil cloderm shampoo

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil cloderm shampoo sekiranya anda hipersensitif terhadap:

- ubat yang mengandungi floclobetasol propionate atau kortikosteroid yang lain.
- bahan-bahan kandungan yang tersenarai pada hujung risalah ini.

Jangan mengambil cloderm shampoo sekiranya anda di bawah umur 18 tahun.

Sebelum mengambil cloderm shampoo

Penjagaan khas diperlukan untuk cloderm shampoo:

Semasa memberi kepada kanak-kanak kerana penyerapan sistemik boleh berlaku dalam penggunaan topikal dan menyebabkan kerencatan pertumbuhan.

Kehamilan dan penyusuan badan:

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat-ubatan.

Ia hanya boleh digunakan jika faedah potensi mengatasi risiko potensi kepada janin atau bayi yang minum susu ibu.

Hentikan penggunaan jika iritasi atau sensitiviti berlaku. Berhati-hati jika ubat ini perlu disapu pada kawasan yang luas. Terapi topikal berpanjangan dan berterusan perlu dielakkan.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang atau baru-baru ini telah mengambil apa-apa ubat-ubatan lain termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi.

Cara menggunakan cloderm shampoo

Berapa banyak harus digunakan

Cloderm shampoo hendaklah digunakan sekali sehari pada kulit kepala dalam keadaan kering (tidak basah) dan disapukan dalam lapisan yang nipis ke atas kawasan yang terjejas sahaja,biarkan selama 15 minit sebelum dibilas. Jumlah dos penggunaan hendaklah tidak lebih daripada 50g seminggu.

Bila perlu digunakan

Digunakan mengikut arahan yang ditentukan oleh doktor.

Berapa lama perlu digunakan

Rawatan perlu dihadkan kepada 4 minggu.

Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya.

Jika ia menghampiri waktu untuk dos yang berikutnya, langkau dos yang terlepas dan ambil ubat mengikut jadual waktu yang ditetapkan seperti biasa.

Jangan menggandakan kuantiti dos untuk menggantikan dos yang ketinggalan.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Maklumkan doktor anda dengan segera sekiranya anda mengambil cloderm shampoo secara berlebihan dengan tidak sengaja.

Semasa menggunakan cloderm shampoo

Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula mengambil ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil cloderm shampoo.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan cloderm shampoo dalam mata.

Jangan tutup kepala anda dengan topi mandi semasa menggunakan cloderm shampoo di atas kepala.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Gunakan cloderm shampoo dengan jumlah yang hanya meliputi kawasan yang dijangkiti sahaja dan basuh tangan selepas menggunakannya.

Kesan-kesan sampingan

Cloderm shampoo boleh mendatangkan kesan sampingan. Maklumkan kepada doktor anda jika gejala-gejala seperti di bawah semakin teruk atau tidak sembuh.

- pedih
- gatal
- kekeringan
- keradangan folikel rambut (*folliculitis*)
- pertumbuhan rambut yang berlebihan (*hypertrichosis*)
- warna kulit menjadi cerah (*hypopigmentation*)
- warna kulit menjadi lembut
- penipisan kulit
- tanda regangan
- ruam panas
- jerawat

Dos tinggi kortikosteroid boleh menghasilkan gejala tipikal kelenjar adrenal yang terlalu aktif, dengan muka bulan, kadang-kadang dengan pertumbuhan rambut berlebihan pada muka atau badan wanita, *buffalo hump* (bonggol pada bahu), memerah, kadang-kadang menjadi sindrom Cushing sepenuhnya.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan cloderm shampoo

Penyimpanan

Simpan pada suhu kurang daripada 30°C. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak. Jauhi dari cahaya yang kuat. Pastikan bekas sentiasa ditutup rapat.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Cloderm shampoo adalah cecair likat jernih dengan bau tertentu

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:
Setiap produk mengandungi Clobetasol Propionate

Bahan-bahan tidak aktif:

Methylparaben, Propylparaben, Sodium laureth sulfate, Cocamidopropyl betaine, Citric acid anhydrous, Sodium citrate, Laureth-4, Coco glucoside and glyceryl oleate, Fragrance Titane, Propyl gallate, Propylene glycol, Sodium chloride dan Purified Water.

Nombor MAL :

MAL12095094AZ

Pengilang:

HOE Pharmaceuticals Sdn Bhd
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Baru Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn Bhd
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Baru Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :
05/11/2015

Nombor siri:
BPFK(R4/1)240815/00273